

Oleh Sulati Asri  
sulati@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

**L**ebih 8,000 pelari dari seluruh negara berkumpul menzahirkan sokongan kepada Persatuan Kanser Kebangsaan Malaysia (NCSM) dalam satu perpaduan dianjurkan District Race Malaysia anjuran AIA Vitality bagi menggerakkan perjalanan gaya hidup sihat demi mencapai suatu hasrat murni yang sama.

Peraduan *Get Fit For Charity* dianjurkan mulai 12 April hingga 16 Mei lalu menyaksikan kesatuan jiwa dan kemurahan hati peserta District Race dalam berlari, berjoging dan berjalan kaki bagi membantu mengumpul dana untuk NCSM.

Melalui aplikasi District, mereka mengumpul mata di setiap titik semak maya atau mencatat jarak larian dengan menghubungkan peranti dengan teknologi GPS untuk menerima mata bagi setiap kilometer secara automatik.

Dalam menjayakan hasrat ini, AIA Malaysia berkira menyumbang RM1 bagi setiap 100 mata dicatatkan dan para peserta menyahut cabaran dengan bersemangat apabila mencatat 5 juta mata menjelang 4 Mei lalu.

Kejayaan misi itu terbukti melalui usaha mereka mencapai sasaran lebih awal daripada dijangkakan.

“Ia membuka lautan kepada AIA selaku penaja bagi District Race Malaysia menyumbang jumlah kumulatif RM50,000 kepada NCSM untuk menyokong kerja pertumbuhan bukan kerajaan (NGO) terhadap pendidikan, penjagaan dan khidmat sokongan kepada mereka yang terjejas akibat kanser serta meningkatkan kesedaran dalam kalangan masyarakat.

Akauntan, Caason Ching, 41, berkata, peraduan itu bukan saju memberi peluang kepada mereka menyokong hasrat murni terabit tetapi ia menyeronokkan dan meng-

# 8,000 pelari bersatu hati


*District Race Malaysia anjuran AIA Vitality berjaya kumpul dana untuk Persatuan Kanser Kebangsaan*



FAUZUL bersenam mengikut keselesaannya sendiri.

CAASON tekad untuk mengumpul lebih banyak mata lagi.

LAJ melihat catatan kilometer lariannya menerusi aplikasi District.



DISTRICT Race Malaysia by AIA Vitality mencipta pengalaman larian unik kepada peserta.

galakkannya untuk menjadi

Jaya dan ada banyak titik semak berhampiran kawasan ini, saya tidak perlu memandu jauh untuk berlari,” katanya.

“Saya menetap di Subang



Saya menetap di Subang Jaya dan ada banyak titik semak berhampiran kawasan ini, saya tidak perlu memandu jauh untuk berlari,” katanya.

Caason Ching

jauh untuk berlari,” katanya.

Lebih membanggakan, Caason sudah mencatat 240,000 mata dan tekad mengumpul lebih banyak mata lagi.

“Pada Mac lalu, saya mencapai 100,000 mata. Saya dan rakan sekerja di jabatan audit sudah menyertai perpaduan menyeronokkan ini. Ia bagai memburu Pokemon,” katanya.

Bagi Lai Vinc Yuee, 30, melakukan aktiviti kecergasan

dan menyumbang kepada sesuatu tujuan yang baik adalah tumpuan utamanya.

“Saya sentiasa ingin menyertai sesuatu yang berbeza. Larian ini unik kerana ia membolehkan saya mengumpul mata dan menyumbang terhadap tujuan yang amat bermakna.”

“Selain itu, saya dapat teka kawasan baru. Setiap kali keluar, saya cuba berlari 20 hingga 29 kilometer (km).

“Jadi, saya dapat melihat lebih banyak tempat di sekitar kejiranan saya di Sri Petaling,” katanya yang mengumpul 84,000 mata setakat ini.

Sementara itu, bagi perunding dan pengurusan insur/takaful, Fauzul Nizam, 40, berkata, peraduan ini memberi peluang kepada mereka bersenam mengikut keselesaannya sendiri.

“Biasanya saya bersenam di kawasan perumahan saja di

Wangsa Maju paling jauh saya berlari tiga kilometer dan menyarkan 3,000 mata.

“Caro ini sangat menarik kerana saya dan isteri boleh kumpul mata secara bersama-sama. Ini inisiatif baik kerana walaupun orang ramai tidak boleh terlibat dalam aktiviti atau majlis sosial, mereka boleh kekal aktif mengikuti masa dan keselesaan mereka sendiri,” katanya.

District Race Malaysia anjuran AIA Vitality 2021 adalah edisi terbaru dilancarkan pada 1 Mac lalu.

District ialah platform teknologi perintis menggalakkan orang ramai menjalani gaya hidup secara sihat dan aktif melalui aplikasi District.

Dengan tiada lautan atau jarak disetkan, peserta boleh memilih cara mereka merentasi bandar dengan melengkapkan pintu pemeriksaan dan cabaran maya bagi mengumpul mata dalam tempoh masa perlumbaan.

Aplikasi ini memanfaatkan realiti terhadas, teknologi berdasarkan lokasi dan permainan bagi mencipta pengalaman larian unik peserta.

Oleh itu, bagi rakyat Malaysia yang ingin menyertai District Race Malaysia anjuran AIA Vitality, peluang masih dibuka kerana acara digital ini berakhir 30 Jun ini.

Cara untuk menyertai juga mudah iaitu dengan hanya memuat turun aplikasi District serta pertama kali mengumpul mata.

Menariknya, peserta boleh menikmati ganjaran bagi usaha mereka serta berpeluang memenangi sebuah kereta baharu.

Setiap aktiviti mencatat lebih 2,000 mata layak menerima satu penyertaan cabutan bertuah dan pemang Sabut bertuah bakal memandu pulang hadiah utama berupa kereta Proton X50 terbaru.

Bukan itu saja, ada 40 lagi hadiah peraduan untuk memenangi seperti jam tangan Garmin dan peralatan sukan Adidas dan banyak lagi.

Aplikasi District boleh dimuat turun melalui App Store dan Google Play Store.

Pendaftaran bagi District Race Malaysia anjuran AIA Vitality dibuka untuk menyertaan secara percuma dengan memuat turun aplikasi di <https://rebrand.ly/DistrictRaceMY>

Untuk maklumat lanjut, ikuti @DistrictRaceMY di Facebook dan Instagram, atau layari laman sesawang acara di [www.exploredistrict.com/en/events/district-race-my-2021](http://www.exploredistrict.com/en/events/district-race-my-2021)